

<http://kampusuols.com/article/240930/U-In-News/JOHOR/Bagi-penuhi-keperluan-syarat-graduate-ini-yang-120-pelajar-PhD-UTHM-lakukan>

Bagi penuhi keperluan syarat graduate, ini yang 120 pelajar PhD UTHM lakukan

WARTAWAN SINAR HARIAN 30 April 2018

Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tidak putus-putus melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Terkini, ia melibatkan pelajar peringkat PhD dalam jurusan kejuruteraan awam yang membabitkan 120 pelajar bagi memberikan peluang mereka untuk melaksanakan kerja sama dengan masyarakat.

Pengerusi Persatuan Pelajar Pasca Siswazah UTHM, Anis Ayuni Sued berkata, program babitkan beberapa tempat iaitu Sekolah Agama (SA) Parit Raja, Kompleks Niaga Parit Raja dan Dewan Terbuka Parit Raja.

Katanya, ia turut dapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Parit Raja membabitkan sekali penduduk setempat.

“Program ini merupakan program tahunan pelajar UTHM bagi memenuhi keperluan untuk bergraduasi yang juga syarat menggabungkan akademik, kokurikulum dan kegiatan luar.

“Ia bertujuan memastikan pelajar UTHM bersedia untuk berhadapan dengan masyarakat setelah mereka tamat pengajian masing-masing kelak,” katanya.

Sementara itu, seorang peserta program, Nur Shahirah Abd Rahim, 24, berkata, dia beberapa kali berpeluang menyertai program anjuran UTHM yang membabitkan aktiviti CSR.

Katanya, program dianjurkan mendidiknya menjadi seorang yang ringan tulang.

“Saya harap program seperti ini diteruskan lagi dan melahirkan pelajar yang aktif serta seimbang dalam akademik dapat direalisasikan,” katanya.